

Motosikal kena sita di Laman Teruntum

KUANTAN - Gara-gara tidak mematuhi peraturan ditetapkan, seorang lelaki berusia 21 tahun menerima padah apabila motosikal miliknya disita ketika operasi penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di Laman Teruntum, di sini.

Pengarah Jabatan Perhubungan Awam dan Kemasyarakatan MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, motosikal itu disita di bawah Seksyen 7 (1) Unit Kerajaan Tempatan dengan kompaun RM20 dan bayaran tebusan sitaan bernilai RM50, dikenakan.

Menurutnya, tindakan itu diambil demi keselamatan orang awam yang berada di laman tersebut, selain mengelakkan vandalisme.



Motosikal milik seorang pemuda disita ketika operasi penguatkuasaan MPK di Laman Teruntum.

SINAR HARIAN 21/1/2017

“Kejadian berlaku kira-kira jam 9.30 malam. Pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa dan tindakan sitaan akan diteruskan kepada sesiapa yang melanggar peraturan tersebut.

“Kita minta orang ramai sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan kerana ia juga

demi kepentingan pengguna di mana-mana lokasi awam di sini,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Izad Zainal berkata, pemilik motosikal tersebut menjelaskan bayaran sitaan itu dan beliau meminta orang ramai supaya sentiasa peka dengan peraturan ditetapkan.